

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN PRABAKARAN A/L M PARAMESWARAN
[BATU]**

TARIKH : 7 OKTOBER 2019 (ISNIN)

SOALAN

TUAN PRABAKARAN A/L M PARAMESWARAN [BATU] minta **MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN** menyatakan adakah Kementerian mempunyai rancangan untuk mengadakan operasi bersepadu di Pasar Borong Selayang memandangkan tindakan hanya dapat diambil apabila mempunyai kerjasama di antara DBKL, PDRM, Imigresen dan lain-lain terhadap pekerja dan peniaga warga asing tanpa permit.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat Batu, Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP) melalui Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) bersama Kementerian Dalam Negeri (KDN) telah menubuhkan *Task Force* bagi membincangkan masalah kebanjiran warga asing yang bermiaga di Pasar Borong yang dikenali sebagai **Operasi TEGAS**. Operasi TEGAS adalah **tindakan bersepadu** ke atas penjaja warga asing bersama-sama dengan agensi Kerajaan lain seperti Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP), Polis DiRaja Malaysia (PDRM), Jabatan Imigresen Malaysia (JIM), Jabatan Pendaftaran Negara (JPN), Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Jabatan Sukarelawan Malaysia (RELA), Kementerian Luar Negeri (KLN),

SOALAN NO : 38

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT), Majlis Keselamatan Negara (MKN), Majlis Perbandaran Subang Jaya dan jabatan-jabatan dalaman DBKL.

Tuan Yang Di Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat,

Sepanjang **Januari hingga Ogos 2019**, sebanyak **2 siri Operasi TEGAS** telah diadakan di Pasar Borong Selayang dengan **60 tindakan sita barang perniagaan penjaja warga asing** disamping seramai **30 orang warga asing** telah ditangkap untuk tindakan **JIM**. Jabatan akan meneruskan tindakan operasi bersepadu dari semasa ke semasa.

Isu utama yang dilihat semasa pemantauan pihak penguatkuasa adalah seperti kebanjiran warga asing tanpa dokumen yang sah yang bekerja dan menguasai perniagaan, pemegang kad UNHCR yang menjalankan aktiviti perniagaan dan keadaan lalulintas yang sesak dan tidak teratur disebabkan kewujudan peniaga haram warga asing. Sehubungan dengan itu, antara tindakan yang telah diambil adalah menjalankan operasi bersepadu di antara agensi-agensi penguatkuasaan secara berterusan. Operasi bersepadu ini dilihat membantu dalam mengurangkan masalah kebanjiran warga asing dengan tangkapan yang dilakukan ke atas majikan dan pekerja warga asing tanpa permit, tindakan ke atas peniaga yang melanggar syarat lesen seperti menggaji warga asing atau menyewakan lesen kepada pihak ketiga terutama kepada warga asing

DBKL juga ada menempatkan anggota penguatkuasa seramai **20 orang petugas** untuk tindakan secara **pemantauan dan rondaan harian** di Pasar Harian Selayang. Namun begitu, tindakan harian ini hanya membolehkan DBKL menyita pelbagai barang milik penjaja warga asing atas faktor perwakilan kuasa yang terhad. Sepanjang **Januari hingga Ogos 2019** sebanyak **950 tindakan pelbagai barang perniagaan penjaja warga asing telah disita**.